



ANTARA kakitangan yang mengambil bahagian. Turut kelihatan Rukiah (enam kiri) dan Baba (lima kanan).

Warga UMS jayakan Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit

UB 27.4.2017 B10

KOTA KINABALU: Lebih 2,000 warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjayakan Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit yang dianjurkan Perpustakaan UMS, di sini, kelmarin.

Ketua Pustakawan UMS Dg Rukiah Ag Amit berkata program itu bagi menyahut program tahunan anjuran Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) yang dijalankan serentak di seluruh negara.

"Objektif penganjuran adalah sebagai satu usaha ke arah membudayakan inisiatif membaca dengan tujuan menjadikan perpustakaan sebuah organisasi yang relevan dalam pendidikan.

"Disamping itu, ia bagi mewujudkan sinergi yang cekap antara perpustakaan seluruh Malaysia dengan pihak Jabatan Pendidikan serta jabatan dan agensi lain di peringkat negeri dan nasional dalam merangka proses pembelajaran sepanjang hayat yang holistik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada program itu di Ruang Bacaan, Aras 1,

Perpustakaan UMS.

Menurut Rukiah penganjuran program itu juga sekali gus mampu melahirkan generasi yang mencintai ilmu, berakhlaq mulia, mentaati agama dan berkemahiran tinggi.

"Kemantapan ilmu, melalui amalan membaca merupakan nadi dan pemangkin kepada kecemerlangan sesebuah universiti.

"Justeru, program ini merupakan salah satu mekanisme untuk mencapai misi universiti ke arah kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu dan mencapai pengiktirafan antarabangsa," katanya sambil memaklumkan program itu juga dijalankan serentak di UMS Kampus Antarabangsa Labuan dan Kampus Cawangan Sandakan.

Lafaz perasmian Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit itu disempurnakan Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) UMS Prof Dr Baba Musta mewakili Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Turut mengambil bahagian dalam program itu ialah anak-anak kakitangan UMS dari Pusat Minda Lestari universiti itu.



SEKITAR Program Jom Baca 10 Minit Peringkat UMS.